

BULETIN AL-IRSYAD



UNIT PENDIDIKAN ISLAM & MORAL (UPIM), JABATAN PENGAJIAN AM,
POLITEKNIK TUANKU SYED SIRAJUDDIN

Penulis
Jemputan

ERA MALAYSIA BAHARU

Dr. Zawiyah Binti Mohd Zain

Tahukah anda tentang konsep Malaysia baharu? Malaysia baharu bermaksud kerajaan persekutuan yang baharu iaitu Pakatan Harapan akan membawa Malaysia ke arah pentadbiran baharu dan berbeza dengan kerajaan Barisan Nasional (BN) iaitu mengutamakan ketelusan, adil, terbuka, menentang rasuah, menentang penyalahgunaan kuasa, mempunyai kebebasan media dan mereformasikan institusi pentadbiran negara.

Pakatan Harapan membentuk kerajaan selepas menang pada pilihan raya umum (PRU) ke-14, 9 Mei 2018. Pada PRU tersebut parti yang mendominasi kerajaan selama 60 tahun BN telah tewas. Pakatan Harapan merupakan pakatan parti pembangkang yang terdiri daripada Parti Peribumi Bersatu Malaysia (BERSATU), Parti Keadilan Rakyat (PKR), Democratic Action Party (DAP) dan Parti Amanah Negara (PAN). Selain itu, parti WARISAN di Sabah turut memberi sokongan kepada Pakatan Harapan. Semasa PRU ke-14, Pakatan Harapan bertanding menggunakan logo yang sama di Semenanjung Malaysia iaitu logo parti PKR. Manakala di Sabah dan Sarawak di samping logo PKR mereka juga menggunakan logo DAP.

Perdana Menteri Malaysia Tun Mahathir Mohamad adalah dari parti BERSATU. Beliau juga sebelum ini pernah menjawat jawatan Perdana Menteri ke-4 Malaysia dan memerintah Malaysia selama 22 tahun (1981-2003). Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail ialah dari Parti Keadilan Rakyat. Beliau telah mencatat sejarah apabila dilantik sebagai Timbalan Perdana Menteri Wanita pertama Malaysia.

ERA MALAYSIA BAHARU
Dr. Zawiyah Binti Mohd Zain

SIRAH HIJRAH DI DALAM
ISLAM
Mardziah Binti Kamarudin

IBRAH DARI HIJRAH
RASULULLAH SAW
Pisol Bin Hj Nasir

MUKJIZAT DI SEBALIK
HIJRATUL RASUL
Hasminuddin Bin Hashim

MAAL HIJRAH:
PENTINGNYA PERUBAHAN
SIKAP DAN MINDA
Norzira Binti Ahmad

MUHASABAH ITU MANIS
Solhal Huda Binti Sahidan

JALAN HIJRAHKU
Zuraiha Binti Mohd Zain

POSITIF ITU DARI KITA
Ainul Farhaan Binti Harun

AMALAN OTAK SIHAT,
MINDA CERDAS
Norhafizah Binti Mohd Ghazali





Adakah anda tahu tentang sistem pentadbiran di Malaysia? Malaysia mengamalkan doktrin pengasingan kuasa iaitu terdiri daripada eksekutif, badan perundangan dan badan kehakiman. Eksekutif atau dikenali juga sebagai kabinet terdiri daripada Perdana Menteri dan Jemaah Menteri yang biasanya dilantik di kalangan ahli Dewan Rakyat. Jemaah Menteri juga boleh dilantik di kalangan Senator iaitu ahli Dewan Negara. Misalnya pada masa sekarang terdapat lima senator yang dilantik menganggotai kabinet sebagai menteri dan timbalan menteri.

Manakala badan perundangan adalah ahli Dewan Rakyat yang memenangi 222 kerusi parlimen yang dipertandingkan melalui PRU. Terbaru selepas PRU ke-14 terdapat 121 ahli Dewan Rakyat dari Pakatan Harapan, 79 dari BN, 18 dari PAS dan selebihnya tiga calon bebas dan satu dari parti Solidariti (jumlah tersebut mungkin berubah berdasarkan senario semasa ahli parlimen BN yang keluar parti). Badan kehakiman pula merujuk kepada mahkamah dan sistem kehakiman di Malaysia.

Berapakah jumlah kementerian di bawah kerajaan Pakatan Harapan? Tahukah anda siapa menteri di setiap kementerian? Mungkin ramai yang tahu Menteri Belia dan Sukan? Menteri lain bagaimana? Di bawah kerajaan Pakatan Harapan, termasuk Jabatan Perdana Menteri semuanya terdapat 25 kementerian seperti berikut:

i- **Jabatan Perdana Menteri**

-Hal Ehwal Agama (Menteri- Datuk Seri Dr. Mujahid Bin Yusof Rawa, Timbalan- Hajjah Fuziah Binti Salleh)
-Hal Ehwal Undang-undang (Menteri- Datuk Liew Vui Keong, Timbalan- Mohamed Hanipa Bin Maidin)
-Perpaduan Negara dan Kesejahteraan Sosial (Menteri- Senator Waytha Moorthy, Timbalan Menteri- Datuk Wira Dr. Md Farid Bin Md Rafik)

ii- **Kementerian Dalam Negeri** (Menteri-Tan Sri Dato' Hj. Muhyiddin Bin Hj. Mohd Yassin, Timbalan- Datuk Mohd Azis Bin Hj. Jamman).

iii- **Kementerian Hal Ehwal Ekonomi** (Menteri- Dato' Seri Mohamed Azmin Bin Ali, Timbalan- Senator Dr. Mohd Radzi Bin Md Jidin)

iv- **Kementerian Kewangan** (Menteri-Lim Guan Eng, Timbalan- Datuk Hj. Amiruddin Bin Hj. Hamzah)

v- **Kementerian Pertahanan** (Menteri- Hj. Mohamad Bin Sabu, Timbalan- Senator Liew Chin Tong)

- ix- **Kementerian Kesihatan** (Menteri- Datuk Seri Dr. Dzulkefly Bin Ahmad, Timbalan- Dr. Lee Boon Chye)
- x- **Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani** (Menteri- Dato' Salahuddin Bin Ayub, Timbalan- Sim Tze Tzin)
- xi- **Kementerian Pendidikan** (Menteri- Dr. Maszlee Bin Malik, Timbalan- Teo Nie Ching)
- xii- **Kementerian Belia dan Sukan** (Syed Saddiq Bin Syed Abd Rahman, Timbalan- Steven Sim Chee Keong)
- xiii- **Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat** (Menteri- Datuk Seri Dr. Wan Azizah Binti Wan Ismail, Timbalan- Hannah Yeoh Tseow Suan)
- xiv- **Kementerian Luar Negeri** (Dato' Saifuddin Bin Abdullah, Timbalan- Senator Dato' Marzuki Bin Hj. Yahya)
- xv- **Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya** (Menteri- Datuk Mohamaddin Bin Ketapi, Timbalan- Muhammad Bakhtiar Bin Wan Chik)
- xvi- **Kementerian Komunikasi dan Multimedia** (Menteri, Gobind Singh Deo, Timbalan- Eddin Syazlee Bin Shith)
- xvii- **Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan** (Menteri- Hjh. Zuraida Binti Kamaruddin, Timbalan- Senator Dato' Raja Kamarul Bahrain Shah Bin Raja Ahmad Baharuddin Shah)
- xviii- **Kementerian Pembangunan Luar Bandar** (Menteri- Datuk Seri Rina Binti Mohd Harun, Timbalan- Sivara A/L K. Rasiah)
- xix- **Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna** (Menteri- Datuk Seri Saifuddin Nasution Bin Ismail, Timbalan- Chong Chieng Jen)
- xx- **Kementerian Pengangkutan** (Menteri- Anthony Loke Siew Fook, Timbalan- Dato' Hj. Kamaruddin Bin Jaffar)
- xxi- **Kementerian Kerja Raya** (Menteri- Baru Bian, Timbalan- Hj. Mohd Anuar Bin Mohd Tahir)
- xxii- **Kementerian Sumber Manusia** (Menteri- M. Kulasegaran A/L V. Murugeson, Timbalan- Dato' Hj. Mahfuz bin Omar)
- xxiii- **Kementerian Pembangunan Usahawan** (Menteri- Datuk Seri Mohd Redzuan Bin Md Yusof, Timbalan- Datuk Wira Dr. Mohd Hatta Bin Md Ramli)
- xxiv- **Kementerian Tenaga, Teknologi, Sains, Perubahan Iklim dan Alam Sekitar** (Menteri- Yeo Bee Yin, Timbalan- Isnaraissah Munirah Binti Majilis)
- xxv- **Kementerian Industri Utama** (Menteri- Teresa Kok Suh Sim, Timbalan- Datuk Seri Shamsul Iskandar Bin Mohd Akin)
- vi- **Kementerian Antarabangsa dan Industri** (Menteri- Datuk Ignatius Darell Leiking, Timbalan- Dr. Ong Kian Ming)
- vii- **Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli** (Menteri- Dr. Xavier Jayakumar A/L Arulanandam, Timbalan- Tengku Zulpuri Shah Bin Raja Puji)
- viii- **Kementerian Wilayah Persekutuan** (Menteri- Khalid Bin Abd Samad, Timbalan- Datuk Dr. Shahruddin Bin Md Salleh)

Ringkasnya, sebagai rakyat Malaysia terutama generasi muda adalah penting untuk mengetahui tentang sistem politik dan pentadbiran negara. Ini kerana generasi muda bakal mewarisi kepimpinan dan pentadbiran negara suatu hari nanti. Oleh itu, generasi muda haruslah bermaklumat, bermatlamat, berwawasan, berintegriti dan berpegang teguh kepada ajaran agama untuk menjadi benteng yang menghalang unsur negatif menerobos masuk dalam fikiran masing-masing.

Dr. Zawiyah Mohd Zain
Pensyarah Kanan
Pusat Pengajian Kerajaan, UUM COLGIS
Universiti Utara Malaysia

Bahagian Kabinet, Perlembagaan dan Perhubungan antara Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri. (2018). www.kabinet.my [1 November 2018]

Saravanamuttu, J. (2016). *Power Sharing in a Divided Nation: Mediated Communalism and New Politics in Six Decades of Malaysia's Elections*. Singapore: ISEAS Publishing.

Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia. (2018). www.gov.my [15 Julai 2018]

INFO
MALAYSIA mengamalkan doktrin pengasingan kuasa yang terdiri daripada eksekutif, badan perundangan dan badan kehakiman.



SIRAH HIJRAH DI DALAM ISLAM

Oleh: Mardziah Binti Kamarudin

Pengenalan

Umat Islam di Malaysia sinonim dengan perkataan hijrah bila tibanya tanggal 1 Muharam setiap tahun dalam kalendar Islam. Mengikut sirahnya Rasulullah SAW berhijrah dari Mekah ke Madinah pada tanggal tersebut. Hijrah didefinisikan sebagai meninggalkan kampung halaman ke suatu tempat lain (Dr. 'Ali Shurbaji, 2009). Meninggalkan keluarga dan tempat untuk hidup bersama kaum lain. Hijrah yang akan dikupas oleh penulis ialah hijrah ke Habsyah, hijrah Rasulullah ke Thoif, dan akhirnya hijrah Rasulullah bersama sahabat ke Madinah.

Hijrah Sahabat Rasulullah Ke Habsyah

Hijrah ke Habsyah merupakan hijrah pertama di dalam Islam (Dr. Muhammad Sa'id Ramadhan Al-Buty, 1999). Hijrah ini berlaku setelah Rasulullah SAW melihat sahabat-sahabat menghadapi pelbagai kesusahan dan penyiksaan dari kaum Quraisy dan Musyrik. Dengan itu Rasulullah SAW telah mengarahkan sahabat dengan bersabda "Sekiranya kamu keluar ke negeri Habsyah, kamu akan bertemu dengan seorang raja yang Ku harap di sana nanti kamu tidak akan dizalimi" (Dr. 'Ali Shurbaji, 2009). Para sahabat memang mengharapkan untuk mendapat satu tempat di mana mereka boleh beribadah kepada Allah tanpa sebarang ketakutan dan ancaman. Apabila sampainya sahabat Rasulullah SAW ke Habsyah, mereka telah bertemu dengan raja yang memerintah Habsyah iaitu Raja Najasyi. Pemergian mereka ke Habsyah menyebabkan Raja Najasyi yang beragama Nasrani memeluk Islam setelah raja tersebut mendengar penerangan dari Jaafar bin Abi Talib tentang Islam, Rasulullah SAW sebagai utusan dari Allah dan setelah Jaafar membaca sepotong ayat Al-Quran. Ekoran dari keislaman Raja Najasyi itu, semua sahabat Rasulullah SAW yang ada di Habsyah tiba-tiba dibenarkan tinggal di negara tersebut dalam keadaan aman dan mereka telah dilayan dengan layanan yang memuaskan sehingga dijaga keperluan mereka.

Hijrah Rasulullah Ke Thoif

Penyebaran Islam oleh Rasulullah SAW dan sahabat telah mendapat tentangan yang dahsyat dan kejam semasa di Mekah. Ekoran dari siksaan dan penderitaan yang dilancarkan oleh kaum Quraisy itu di Mekah, Rasulullah SAW berhijrah ke Thoif untuk mencari perlindungan dan dukungan dari Bani Tsaqif serta mengharapkan agar mereka dapat menerima ajaran yang dibawanya dari Allah. Setibanya Rasulullah SAW di Thoif, baginda membicara tentang Islam kepada para pemuka Bani Tsaqif dan mengajak mereka beriman kepada Allah. Akan tetapi ajakan baginda ditolak mentah dan dijawab balas oleh mereka secara kasar dan membaling batu lalu mencederakan Rasulullah SAW. Kemudian Zaid bin Harithah yang menemani Rasulullah SAW ketika itu cuba melindungi baginda. Walaubagaimanapun Rasulullah tetap menerima luka di kepala baginda.

Hijrah Rasulullah Ke Madinah

Sebelum kedatangan Nabi Muhammad SAW ke Madinah, sahabat-sahabat sudah mula menyebarkan Islam kepada penduduk Islam Madinah. Rumah-rumah mereka di Madinah mula disinari dengan cahaya Al-Quran. Melalui kehadiran Rasulullah SAW ke Madinah, ia yang dapat memperkuat dan memperkemas lagi usaha-usaha untuk mendirikan negara Islam Madinah.

Allah merestui penghijrahan Rasulullah yang ditemani oleh Abu Bakar itu yang disampaikan oleh ketua malaikat iaitu Malaikat Jibril AS. Rasulullah SAW telah menyusun beberapa strategi untuk berhijrah kerana baginda telah mendapat maklumat nyawa baginda akan diancam bunuh oleh pemuka Quraisy.



Di antara strateginya ialah baginda diarahkan oleh Jibril untuk hijrah di malam hari. Saidina Ali RA akan menggantikan di tempat tidur Rasulullah sebagai helah kepada kaum Musyrikin bahawa Rasulullah belum keluar dari rumahnya. Ini kerana mereka sedang menunggu Rasulullah SAW di depan pintu rumah baginda. Walaubagaimanapun Allah pelihara Rasulullah SAW yang lalu di depan kaum Musyrikin ketika itu sedang mengawal depan pintu rumah baginda. Allah beri rasa mengantuk kepada kaum itu sehingga mereka tertidur dan Rasulullah dapat keluar dari rumahnya dengan selamat dan aman. Semasa mereka di situ, kaum Musyrik pun mencari mereka berhampiran dengan gua tersebut sehingga kerisauan timbul pada hati Abu Bakar. Lalu Rasulullah SAW pun memberitahu kepada Abu Bakar bahawa Allah ada bersama kita. Rujuk Surah At-Taubah 9:40. Setelah itu, perasaan tenang telah menyelubungi Saidina Abu Bakar. Allah telah menutup mata Musyrik itu supaya tidak nampak penghuni gua tersebut. Cukup hari ketiga mereka menginap di dalam Gua Thur itu, mereka meneruskan perjalanan untuk ke Madinah. Mereka berhenti bermalam untuk beberapa hari di Quba'. Di sinilah mereka bertemu dengan Saidina Ali yang lewat berhijrah dari mereka. Tepat pada malam hari 12 Rabiul Awwal, mereka telah memasuki Madinah dan disambut oleh kaum Muhajirin dan Ansar. Kaum Muhajirin adalah mereka yang berhijrah dari Mekah ke Madinah. Manakala kaum Ansar adalah penduduk Islam yang menetap di Madinah.

RUMUSAN

Hijrah Demi Islam Dan Iman

Rasulullah SAW walaupun sayu untuk berpisah dengan sahabat, tetapi beliau tetap teguh dengan pendiriannya untuk membenarkan sahabat berhijrah bukan semata-mata untuk mengelakkan diri dari disiksa oleh kaum Musyrikin Mekah tetapi faktor utamanya adalah untuk menyelamatkan iman para sahabat Radiyallahuanhum (Dr. Muhammad Sa'id Ramadhan Al-Buty, 1999). Syiar Islam seperti solat, puasa dan haji boleh dilaksanakan dalam keadaan tenang apabila mereka berhijrah dari sebuah tempat yang tidak aman ke tempat yang lebih aman dan selesa. Iman kepada Allah adalah perkara yang penting di dalam kehidupan manusia. Keimanan para sahabat telah mencapai kemuncak keyakinan dan kepercayaan dengan segala apa yang telah dibawa kepada mereka dari Tuhan mereka tanpa sebarang keraguan terhadap suruhan agama (Dr. Ali Shurbaji, 2009). Hijrah juga boleh mengembangkan Islam ke jajahan takluk atau kawasan yang lain seperti hijrahnya sahabat ke Habsyah menyebabkan Raja Najasyi memeluk agama Islam.


Hidayah Itu Hak Milik Allah

Al-Quran yang merupakan kalam Allah merupakan mukjizat atau kemuliaan Allah yang diberi kepada Rasulullah SAW melalui perantaraan Malaikat Jibril AS. Mendengar kalam Allah ini merupakan salah satu laluan untuk manusia itu menerima hidayah Allah. Contohnya selepas Jaafar bin Abi Talib membacakan sepotong ayat Al-Quran di hadapan Raja Najasyi, beliau dengan ikhlas menyatakan keislamannya di hadapan para sahabat Rasulullah SAW tersebut. Sebagai individu yang mengaku Islam di dalam hati, perlu ada keinginan untuk mewujudkan suasana Islam walau di mana pun mereka berada sama ada di dalam rumah, di luar rumah maupun di tempat kerja.

Tugas menyebarkan Islam ini bukan hanya Allah taklif kepada Rasulullah dan sahabat-sahabat sahaja bahkan kepada sesiapa sahaja yang mengaku beriman kepada Allah dengan hati, mulut dan tindakan. Jiwa sahabat Rasulullah SAW amat mencintai ajaran Islam. Justeru itu mereka mendapati Islam sebagai sumber kebahagiaan dunia dan akhirat, lambang hidayah dan keagungan. Lantaran itu, mereka mewakafkan jiwa raga mereka untuk Islam, menyerah kesenangan mereka untuk dakwahnya, mereka mengorbankan seluruh milik mereka untuk menegakkan panji-panjinya. Untuk kesemuanya itu, mereka telah mengerahkan anak-anak dan isteri-isteri, bapa-bapa, ibu-ibu, saudara-mara, kawan-kawan dan manusia-manusia lain untuk kepentingan Islam.

Sabar Cermin Peribadi

Peristiwa hijrahnya Rasulullah SAW ke Thoif mencerminkan sifat sabar baginda SAW. Rasulullah merupakan kekasih Allah dan dekat dengan Allah. Rasulullah tidak membala dendam di atas caci dan siksaan yang menimpa dirinya. Maksud hadis "...*Barangsiapa beriman kepada Allah dan hari akhir hendaklah dia berkata baik atau diam*" (Riwayat al-Bukhari no. 6018). Berdasarkan maksud hadis ini, muslim itu boleh aplikasi di dalam konteks kehidupannya tatkala seseorang mencacinya, beliau boleh mengeluarkan kata-kata yang baik atau jika tidak mampu, maka kaedahnya berdiam itu adalah lebih baik. Sabar didefinisikan sebagai menahan diri semasa menanggung kesusahan, menghadapi kepayahan, mendokong kebenaran dengan penuh cekal dan tabah (Dr. Ali Shurbaji, 2009). Sabar adalah pekerti mulia dan sifat terpuji. Ianya merupakan sifat orang-orang beriman.



Firman Allah di dalam Surah Al-Asr 103:1-3 adalah berkaitan dengan sabar. Sabar ialah kunci kejayaan seperti sabda Rasulullah SAW "*Ketahuilah, kemenangan itu beserta kesabaran*" (Riwayat Ahmad). Beberapa bentuk sabar adalah sabar untuk taat, sabar dari melakukan maksiat, sabar menghadapi kesusahan dan musibah, sabar ketika Allah uji dengan kesenangan hidup, sabar dalam suasana perperangan dan jihad. Para sahabat memiliki semua jenis kesabaran ini dalam kehidupan mereka kerana mereka mematuhi perintah Allah di samping mengharapkan balasan dan pahala dariNya. Lantaran itu mereka bertahan dan bersabar.



Jihad Fisabilillah

Secara keseluruhannya penghijrahan sahabat dan Rasulullah ini jelas menunjukkan kepada umat Islam tentang erti berjihad kepada Allah SWT yang bertujuan mengharap redha dan syurga Allah. Hujung akhir setiap manusia akan terima balasan masing-masing berdasarkan usaha yang telah dibuat olehnya semasa hidup di dunia. Jika individu itu berada dalam rahmat Allah sudah pastilah syurga kekal abadi sebagai tempat untuk dituai hasilnya. Sebaliknya orang yang tidak beriman kepada Allah balasannya adalah neraka yang pedih azabnya.

Dakwah Tugas Bersama

Sahabat Rasulullah SAW ini tidak membiarkan Rasulullah seorang sahaja yang membuat kerja-kerja penyebaran Islam tetapi peluang ini direbut bersama oleh sahabat baginda SAW. Ini kerana kesan mereka merasakan nikmat beriman kepada Allah dan RasulNya. Bukti apabila kedatangan Rasulullah ke Madinah, semua rumah orang Islam di Madinah sudah dimasuki oleh cahaya Al-Quran. Langsungan itu, penduduk Islam Madinah sudah mula mengetahui iman kepada Allah. Bila hati seseorang mula adanya iman kepada Allah, hati manusia itu dengan rela tanpa paksa bersedia untuk menerima arahan perintah dan larangan dari Allah SWT. Firman Allah di dalam Surah Toha 20:124 yang bermaksud "*Dan barang siapa yang berpaling daripada peringatanKu, maka sesungguhnya dia akan menjalani hidup yang sempit, dan Kami akan mengumpulkannya pada hari kiamat dalam keadaan buta.*" Tarbiyah sebagai muslim yang benar-benar merasai nikmat iman perlulah sentiasa proses hati supaya sentiasa berada dalam keadaan beriman kepada Allah. Ini kerana manusia itu tidak mengetahui bila dia akan mati bertemu Allah. Oleh itu manusia perlulah sentiasa berhati-hati dan berada di atas jalan kebenaran. Apabila matinya anak adam itu, jasadnya akan dikuburkan ke dalam tanah tetapi yang dibawa kepada Allah adalah segumpal hati yang sejahtera yang beriman kepada Allah seperti firman Allah di dalam Surah As-Syuara 26:88-89 yang bermaksud "*Iaitu pada hari (ketika) harta dan anak-anak tidak berguna. Kecuali orang-orang yang mengadap Allah dengan hati yang bersih.*"

Doa Senjata Mukmin

Nabi Muhammad SAW dan sahabat baginda sering berdoa kepada Allah dalam apa jua urusan. Mereka tidak bergantung kepada harta, masa dan keadaan tetapi bergantung harap sepenuhnya kepada Allah SWT. Mereka sentiasa ingat kepada Allah. Firman Allah di dalam Surah Al-Baqarah 2:152 yang bermaksud "*Kerana itu, ingatlah Aku, nescaya Aku ingat pula kepada kamu dan bersyukurlah kepadaKu dan jangan mengkufuri (nikmatKu).*" Zikrullah atau ingat kepada Allah menampilkan keberanian, kecekalan dan semangat ingin mara berjuang kerana ketika itu mukmin akan merasakan bahawa Allah ada bersama-sama (Fathi Yakan, 2007). Sahabat Rasulullah SAW yakin dengan janji dan pertolongan Allah. Seandainya Allah tidak menolong dan membantu hamba-hamba yang soleh, lalu kepada siapa Allah memberikan pertolonganNya? (Syaikh Sayyid Muhammad Nuh, 2018). Apakah Allah akan memberikan pertolongan kepada orang yang berbuat dosa dan kafir, padahal Allah sendiri berfirman di dalam Surah Ar-Rum 30:45 yang bermaksud "...*Dia tidak menyukai orang-orang yang ingkar (kufur).*"


Harapan Penulis

Harapan penulis, sebaik sahaja pembaca selesai membaca tulisan ini, semoga pembaca dapat merasai bagaimana cara untuk memelihara iman supaya sentiasa bertakhta dalam jiwa pembaca, menyebarkan fikrah Islam kepada anak, pasangan hidup, keluarga dan masyarakat supaya suasana Islam itu dirasai oleh semua orang. Marilah sama-sama kita rebut peluang yang ada ini dengan masa yang saktuk untuk menggapai redha Allah. Moga Allah beri kekuatan kepada pembaca. Amin.

Puan Mardziah Binti Kamarudin
Pensyarah Kanan
Jabatan Matematik, Sains dan Komputer
Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin

RUJUKAN

- Dr. 'Ali Shurbaji. (2009). *Suri Teladan Kehidupan Para Sahabat*. Shah Alam: Dewan Pustaka Fajar.
- Dr. Muhammad Sa'id Ramadhan Al-Buty. (1999). *Sirah Nabawiyah*. Jakarta: Robbani Press.
- Fathi Yakan. (2007). *Bahtera Penyelamat*. Shah Alam: Dewan Pustaka Fajar.
- Syaikh Sayyid Muhammad Nuh. (2018). *Berguru Dengan Sahabat Nabi*. Sg. Buloh: Santai Ilmu Publication.



IBRAH DARI HIJRAH RASULULLAH SAW

Susunan oleh: Pisol Bin Hj. Nasir



KEJAYAAN hijrah Rasulullah SAW merupakan satu pengorbanan dan perjuangan penting yang harus diteladani. Kejayaan yang ditunjukkan oleh baginda Nabi Muhammad itu bukanlah kejayaan secara mutlak baginda sendirian, tetapi atas perintah Allah SWT dan bagaimana baginda menyusun ketenteraannya yang berperanan untuk memperjuangkan agama Islam itu sendiri.

Beberapa pengajaran dari ibrah hijrah Rasulullah SAW dapat kita ambil moga ianya dapat menjadi pegangan hidup kita ke arah mencapai keredaan Allah SWT.

Firman Allah SWT dalam Surah An-Nisa ayat 100.

"Barangsiapa berhijrah di jalan Allah, nescaya mereka mendapati di muka bumi ini tempat hijrah yang luas dan rezeki yang banyak. Barangsiapa keluar dari rumahnya dengan maksud berhijrah kepada Allah dan Rasul-Nya, kemudian kematian menimpanya (sebelum sampai ke tempat yang dituju), maka sungguh telah tetap pahalanya di sisi Allah. Dan adalah Allah Maha Pengampun lagi Maha Penyayang".

1 Sesuatu yang hendak dilakukan perlu ada perancangan dan strategi.

Perjalanan hijrah itu bukanlah sesuatu yang mudah dan bukan sekadar Rasulullah SAW itu melarikan diri (berpindah) begitu sahaja. Nabi bersama-sama para sahabat berbincang dan bermusyawarah sebelum bergerak ke Madinah. Malah, kisah Nabi Muhammad SAW bersembunyi dengan Saidina Abu Bakar AS di Gua Thur juga menjadi petanda penting bahawa hijrah baginda itu melalui perancangan yang berstrategi.

2 Perlu ada sikap ketenangan dalam menghadapi sesuatu masalah.

Salah satu perkara penting yang dapat dipelajari daripada peristiwa hijrah juga adalah sikap ketenangan yang ditunjukkan oleh sahabat baginda iaitu Saidina Abu Bakar as-Siddiq. Bantuan melalui sikap ketenangan ini memberi gambaran bahawa manusia ini perlu dibantu bukan secara fizikal semata-mata tetapi kekuatan mental juga penting. Berapa ramai di antara kita pada hari ini yang membantu teman-teman yang ingin berhijrah ke arah kebaikan dengan memberikan bantuan melalui sikap dan keperibadian? Mempamerkan akhlak yang baik dan menunjukkan sikap orang mukmin itu adalah cermin kepada kejayaan jiwa dan peribadi.

"...Maka Allah menurunkan semangat tenang tenteram kepadanya (Nabi Muhammad) dan menguatkannya dengan bantuan tentera (malaikat yang kamu tidak melihatnya), dan Allah menjadikan seruan orang-orang kafir terkebawah (kalah dengan sehina-hinanya). Dan Kalimah Allah (Islam) ialah yang tertinggi selama-lamanya kerana Allah Maha Kuasa, lagi Maha Bijaksana." (Surah at-Taubah ayat 40)

3 Kemenangan dan kejayaan kita sebenarnya datang daripada pertolongan Allah SWT.

Peristiwa hijrah yang berlaku, sebagai tanda peringatan kepada manusia bahawa kemenangan mutlak itu bukanlah kemenangan daripada kekuasaan dan kekuatan himpunan manusia, tetapi datangnya nusrah (pertolongan) daripada Allah SWT. Lihatlah dalam sejarah, berapa banyak peristiwa peperangan yang memperjelaskan kuantiti tentera Islam tidak menjamin kemenangan tetapi kualiti tentera merupakan kunci dalam kejayaan.

"Kalau kamu tidak menolongnya (Nabi Muhammad) maka sesungguhnya Allah telahpun menolongnya, iaitu ketika kaum kafir (di Mekah) mengeluarkannya (dari negeri Mekah) sedang dia salah seorang dari dua sahabat semasa mereka berlindung di dalam gua, ketika ia berkata kepada sahabatnya: "Janganlah engkau berduakacita, sesungguhnya Allah bersama kita." ... (Surah at-Taubah ayat 40)

4 Setiap kejayaan yang hendak dicapai perlu ada usaha dan ikhtiar ke arah tersebut.

Kejayaan hijrah Rasulullah SAW itu ditunjukkan melalui sikap ikhtiar baginda dengan meletakkan saf-saf pimpinannya yang akan menutup jalan agar tidak dapat dihidiu oleh kaum Musyrikin untuk sampai ke Gua Thur, juga mereka yang akan bertindak menghantar khabar (perisik) kepada baginda Nabi Muhammad.

Perlu ada keikhlasan diri kepada Allah dalam melakukan sesuatu perkara.

5

Peristiwa hijrah mengajar kita di dalam menghadapi musuh di samping menunjukkan bahawa orang yang benar-benar ikhlas berjuang sahaja akan dibantu oleh Allah SWT.

"Sesungguhnya orang-orang yang beriman, dan orang-orang yang berhijrah serta berjuang pada jalan Allah (untuk menegakkan agama Islam), mereka itulah orang-orang yang mengharapkan rahmat Allah. Dan (ingatlah), Allah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihi." (Surah al-Baqarah ayat 218).

6 Pangkat, kedudukan dan harta benda tidak menjamin Kedudukan Islam sekiranya ia tidak bersandarkan kepada Allah SWT.

Berbagai tawaran dianjikan oleh Musyrikin Mekah kepada Nabi SAW antaranya pangkat, kuasa, harta, wanita cantik asalkan Nabi meninggalkan seruan dakwah semuanya ditolak oleh Nabi SAW. Apa guna jawatan, kedudukan dan pangkat kiranya Islam tidak dapat dizahirkan dan dilaksanakan dalam kehidupan masyarakat hari ini. Rasulullah SAW dan para sahabat sanggup berhijrah dari Mekah ke Madinah dengan meninggalkan segalanya bagi memastikan Islam dapat ditegakkan dan dilaksanakan atas muka bumi ini.



KESIMPULAN


Antara pengajaran yang diambil dari peristiwa hijrah Nabi SAW ialah bahawa perjuangan menegakkan Islam itu bukan olok-olok atau kerja main-main.

Sebaliknya perjuangan Islam perlu menghadapi rintangan mehnah dan tribulasi. **Perjuangan ini memerlukan kepada kekuatan dan sifat tidak mudah putus asa.** Kerana itu dalam memperjuangkan Islam, kita jangan sekali rasa jemu dan letih dalam memastikan kemenangan dalam perjuangan ini.

RUJUKAN


Dato' Dr Hussamuddin Hj Yaacob, Al-Quran Al-Karim: Terjemahan dan Tajwid Berwarna Al-Haramain, Karya Bestari Sdn. Bhd.

Ustaz Muhammad Syaari Ab Rahman, IKIM.



MUKJIZAT DI SEBALIK HIJRATUL RASUL

Oleh: Hasminuddin Bin Hashim



"Dan ingatlah (Wahai Muhammad), ketika orang kafir Musyrik (Mekah) menjalankan tipu daya terhadapmu untuk menahanmu, atau membunuhmu, atau mengusirmu. Mereka menjalankan tipu daya dan Allah menggagalkan tipu daya (mereka), kerana Allah sebaik-baik yang menggagalkan tipu daya". (Surah al-Anfal: 30)

Sebaik sahaja keputusan durjana diambil untuk membunuh Rasulullah, Jibril pun turun menemui Rasulullah, dengan wahyu dari TuhanNya Tabaraka Wataala, Jibril memberitahu pakatan jahat Quraisy, kini Allah telah mengizinkan baginda untuk keluar berhijrah, dengan menentukan masa pergerakan hijrah dengan katanya: "Malam ini jangan kau tidur di tempat kau yang biasa tidur itu". Di tengah hari rembang Rasulullah datang menemui Abu Bakar as-Siddiq untuk memastikan kapadanya jadual hijrah.

Itu lah permulaan hijrah insan yang paling agung kekasih Allah yang membawa Risalah yang mulia. Dakwah Rasulullah di Mekah selama 13 tahun di Mekah diterima oleh sebilangan kecil penduduk Mekah. Bukan sahaja mereka tidak menerima dakwah Rasulullah bahkan menghina, memulau, mencerca dan akhirnya timbul pakatan untuk membunuh tubuh yang dikasihi Allah.

Dr Ahmad Umar Hashim bekas Rektor Universiti Al Azhar mengatakan bahawa peristiwa hijrah Rasul mengandungi 4 mukjizat yang perlu dilihat agar ianya menjadi pengajaran.



Ketika nabi keluar dari rumahnya

Rasulullah telah meminta Saidina Ali RA dengan sabdanya, "Ayuh, kau tidur ditempatku ini dan berselimutlah dengan kain Hadramiku ini, dan lenalah, tiada suatu pun yang kau tidak suka itu akan terkena kau". Sebenarnya Rasulullah tidur biasa berselimut dengan kainnya itu.

Rasulullah pun keluar, membelah barisan sekatan mereka malah Rasulullah telah mengambil segenggam pasir dari atas tanah di mana baginda menaburkannya ke atas kepala mereka semua dan Allah membuta penglihatan mereka hingga mereka tidak sedikit pun melihat Rasulullah keluar di masa itu sambil membaca ayat Allah yang bermaksud:

"Dan Kami jadikan sekatan di hadapan mereka, dan sekatan di belakang mereka. Lalu Kami tutup pandangan mereka; maka dengan itu, mereka tidak dapat melihat. (Surah Yaa Siin: 9)

Tidak seorang pun dari mereka yang terkecuali, malah kesemua mereka diletakkan tanah ke atas kepalanya, baginda terus berjalan ke rumah Abu Bakar. Rasulullah meninggalkan rumahnya pada malam 27 bulan Safar tahun keempat belas kebangkitan baginda bersamaan 12 atau 13 September tahun 622 Masihi.



Ketika berada di Gua Thur

Sesampainya mereka ke gua berkenaan, kata Abu Bakar, "Demi Allah, Rasulullah jangan masuk, kecuali setelah hamba masuk dahulu, sekiranya ada sesuatu yang berbahaya biar terkena hamba dahulu". Lalu beliau masuk ke dalamnya dan membersihkannya.

Semasa berada dalam gua Rasulullah lena di atas Riba Saidina Abu Bakar. Beliau tidak tidur. Semasa itulah kala jengking menyengat kaki Saidina Abu Bakar. Sehingga keluar air mata. Rasulullah bertanya kenapa dengan kamu wahai Abu Bakar? Saidina Abu Bakar menyatakan dia disengat oleh seekor kala jengking. Lalu Rasulullah menawarkan bekas sengatan tersebut dengan ludahan baginda, maka hilanglah kesakitan dengan segera.



Ketika berada bersama Ummu Ma'bad

Rasulullah telah melewati dua perkhemahan Ummu Ma'bad al-Khuza' iyah, beliau adalah seorang wanita tegas, duduk berehat di halaman khemahnya biasanya memberi jamuan dan minuman kepada sesiapa yang melewati khemahnya, di hari itu mereka berdua bertanyakan beliau, "Apakah ada sesuatu bersama puan?" Jawabnya, "Demi Allah, kalau ada sesuatu bersama kami, kamu tidak akan terbiar tanpa jamuan, kambing semuanya tak bersusu dan ini pula tahun kemarau".

Rasulullah mengusap-usap uncang susu dengan tangan baginda disertai dengan pembacaan Bismillah dan berdoa, uncang pun mengembang memenuhi susu terus mencurah susu, baginda meminta bekas agak besar mencukupi beberapa orang, baginda perah hingga berbuih pada permukaan bekas perahan itu.



Ketika dikejar Suraqah

Mengikut riwayat Abu Bakar yang berkata, "Kami keluar berhijrah dalam keadaan kaum kafirin mencari-cari kami, namun tak seorang pun yang dapat memburu kami kecuali Suraqah bin Malik bin Ja'syam sahaja yang menunggang kudanya.

Suraqah mengejar Rasulullah dengan kudanya sehingga hampir kepada Rasulullah namun malangnya kuda beliau terbenam kaki depannya ke dalam pasir, hingga Suraqah terjatuh. Beliau terus mengejar Rasulullah sehingga Rasulullah memberi keamanan dan janji Rasulullah kapadanya, "Bagaimana hai Suraqah, jika engkau memakai gelang kebesaran Kisra?"

Mudah mudahan 4 mukjizat ini menyedarkan kita bahawa hijrah itu merupakan pertolongan Allah kepada hambaNya. Hijrah itu sememangnya kehendak Allah untuk menjaga kekasih dan mereka yang memperjuangkan agama Allah. Sesiapa yang bersama Allah maka Allah akan tetap bersamanya.

RUJUKAN

Kitab Raheq Makhtum
Data' Dr Hussamuddin Hj Yaacob, Al-Quran Al-Karim: Terjemahan dan Tajwid Berwarna Al-Haramain, Karya Bestari Sdn. Bhd.



MAAL HIJRAH: PENTINGNYA PERUBAHAN SIKAP DAN MINDA

Oleh: Norzira Binti Ahmad

Tradisi atau momentum?

Sabtu tahun tarikh keramat awal Muharam yang mengubah dunia umat Islam singgah dalam kalendar kehidupan kita semua. Namun persoalannya bagaimakah kita sebagai umat Islam yang hidup jauh dari peristiwa terpenting yang berlaku terhadap kekasih kita Muhammad SAW ini mengambil manfaat daripada sejarah agung tersebut. Adakah ianya sekadar menjadi tradisi kita semua mendapat cuti umum semata-mata atau peristiwa besar tersebut dapat menjadi momentum yang membawa perubahan besar terhadap sikap dan minda kita semua?

Rencana dan strategi

Dalam konteks hijrah Rasulullah SAW dan para sahabat baginda, ianya bukan sekadar penghijrahan dari Mekah ke Madinah semata-mata. Tetapi baginda merancang dan merencana strategi yang berkesan untuk menyebarluaskan Islam kepada dunia, selain menggembangkan dan mengukuhkan kuasa umat Islam ketika itu, setelah Islam ditolak mentah-mentah oleh penghuni Kota Mekah. Dan setelah sebelas tahun Peristiwa Hijrah tersebut ianya dijadikan sebagai permulaan Takwim Islam oleh Saidina Umar Al-Khatib.

Hijrah dan perubahan

Mampukah kita semua melihat hijrah Rasulullah SAW dalam konteks yang lebih luas dan relevan dengan kita umat akhir zaman ini? Secara tepatnya, hijrah lebih mendesak agar kita membuat perubahan yang drastik dalam semua aspek kehidupan kita samada dari segi akidah, akhlak, ibadah, sikap, pemikiran dan tindakan yang kita ambil. Inilah konsep hijrah yang sebenar dan menjadi tuntutan kepada kita sebenarnya. Kita wajib membuat perubahan secara besar-besaran dalam usaha menjadi umat Islam yang terbaik.

Firman Allah SWT dalam Surah Ar-Ra'du ayat 11:

“...Sesungguhnya Allah tidak akan merubah nasib sesuatu kaum kecuali kaum itu sendiri yang mengubah nasibnya...”

RUJUKAN

Dato' Dr Hussamuddin Hj Yaacub, *Al-Quran Al-Karim: Terjemahan dan Tajwid Berwarna Al-Haramain*, Karya Bestari Sdn. Bhd.

Ujian akhir zaman

Sebagai umat Islam yang berkualiti, kita yang perlu menggerakkan agenda perubahan bagi menghadapi pelbagai ujian akhir zaman. Antaranya kita perlu berjuang untuk menghadapi ancaman dan agenda yang dicipta khas untuk menghancurkan umat Islam seperti liberalisme, pluralisme, sekularisme dan pelbagai ajaran sesat yang ada. Kita perlu berubah menjadi lebih aktif dan peka bagi menghadapi anasir-anasir seperti ini. Ini bertepatan dengan satu maksud hadis:

“Begitu hampir waktunya orang-orang kafir saling menyeru untuk menyerang kamu dari segala penjuru sebagai mana orang-orang lapar mengerumuni dulang berisi makanan”

Oleh itu kita sebagai umat Islam wajib berazam ke arah perubahan yang drastik agar umat Islam tidak terjerumus dengan fahaman-fahaman tersebut yang disalurkan melalui hiburan, sukan, politik dan sebagainya.


Hijrah budaya berfikir

Selain itu perubahan besar-besaran perlu kita lakukan terhadap sikap dan budaya berfikir kita. Kita wajib membuang sikap ego, mementingkan diri, berada dalam zon selesa dan sukakan dunia kepada sikap lebih prihatin kepada apa yang berlaku kepada masyarakat dan dunia Islam serta berjuang habis-habisan untuk mendapat kejayaan di dunia dan akhirat. Oleh itu hala tuju sikap dan pemikiran kita perlulah mengikut saranan Al-Quran dan As-Sunnah sebagai panduan. Sabda Rasulullah SAW:

“Aku telah tinggalkan pada kamu dua perkara. Kamu tidak akan sesat selama berpegang kepada iaitu Kitab Allah dan Sunnahku”

Jom berubah dan merubah!

Kesimpulannya hijrah dalam Islam bukan setakat slogan dan mengadakan sambutan secara besar-besaran sahaja tetapi ianya lebih utama jika peristiwa itu menjadi anjakan dan agenda besar dalam membuat perubahan minda dan sikap kita sebagai umat Islam. Perubahan inilah yang menjadi penentu dan kayu ukur kepada kejayaan umat Islam bagi menghadapi pelbagai fitnah, propaganda dan agenda musuh Islam yang kian terdesak sebelum dunia fana ini melabuhkan tirainya suatu hari nanti. Semoga Maal Hijrah tahun ini membawa sinar perubahan kepada kemenangan Islam keseluruhannya. Jom berubah dan merubah!



MUHASABAH ITU MANIS

Oleh: Solhal Huda Binti Sahidan



Salam Maal Hijrah 1440H. Saban tahun kita sentiasa menyambut tahun baru Islam dengan doa dan harapan yang baik sebagai seorang Muslim. Namun, adakah doa dan harapan yang kita panjatkan disusuli dengan usaha dan tindakan yang sewajarnya bagi memperolehi perkara yang dihajati? Semestinya, seluruh impian dan matlamat seorang Muslim itu adalah untuk mendapatkan keredhaan Allah SWT. Oleh itu, marilah sama-sama kita muhasabah kembali segala umur yang telah kita lalui setahun yang lalu dalam segenap aspek kehidupan termasuk amal ibadah dan kebajikan yang boleh mendekatkan diri kepada Allah SWT.

Muhasabah membawa maksud menilai perilaku yang lalu dan memperelokkan diri yang lahir dari jiwa seseorang berasaskan kehendak agama. Ia juga boleh diertikan sebagai proses mendidik diri agar sentiasa memelihara diri dari segala kejahatan yang pernah dilakukan atau menghalang diri dari melakukan kejahatan yang boleh menjadi penghalang untuk mendapat keredhaan Allah SWT (JAIS, 2013). Kesimpulannya, muhasabah adalah menilai diri terhadap tingkahlaku, fikiran dan perasaan untuk pembaikan diri sendiri. Al-Quran menyeru kita untuk bermuhasabah menerusi firman Allah SWT dalam Surah *al-Hasyr* ayat 18 yang bermaksud:

"Hai orang-orang yang beriman, bertakwalah kepada Allah dan hendaklah setiap diri memperhatikan apa yang telah diperbuatnya untuk hari esok (akhir); dan bertakwalah kepada Allah, sesungguhnya Allah Maha Mengetahui apa yang kamu kerjakan".

Sabda Rasulullah SAW yang bermaksud:

"Orang yang berakal adalah orang yang merendahkan dirinya dan ia berbuat untuk sesudah mati. Adapun orang lemah adalah orang yang mengikut hawa nafsunya dan berangan-angan kepada Allah (agar mengampuninya)".

(Riwayat al-Tirmizi no. 2577 [Hadis Hasan])

Jelas daripada hadis Nabi SAW, parameter utama orang yang bijak ialah mereka yang sentiasa bermuhasabah dan melakukan amal kebaikan untuk bekalan di hari kemudian. Oleh itu, penulis mengajak pembaca sekalian untuk kita menghitung kembali amalan-amalan yang dilakukan. Muhasabah terhadap perkara yang telah dilakukan terbahagi kepada tiga:



Muhasabah diri dalam mentaati Allah SWT sama ada semakin bertambah atau berkurangan. Sifat keikhlasan dalam beramal dan menyedari tentang kekurangan kita dalam ketaatan hendaklah segera dipertingkatkan.



Muhasabah diri terhadap meninggalkan sesuatu perkara mungkar adalah sangat dituntut daripada kita terus melaksanakannya. Apabila jelas kita telah melanggar larangan Allah SWT, maka bersegeralah untuk bertaubat, beristighfar dan memperbanyak amalan kebaikan yang boleh menghapuskan dosa.




Muhasabah diri terhadap perbuatan yang harus dan biasa dilakukan. Mengapa melakukannya? Adakah untuk mencari redha Allah SWT dan pahala di akhirat atau menginginkan dunia yang bersifat sementara?




Muhasabah diri dengan menilai perilaku yang lalu dan memperelokkan diri yang lahir dari jiwa berasaskan kehendak agama.

Jelas bahawa dengan bermuhasabah membawa hasil yang manis untuk dinikmati kerana dengannya meletakkan kita dalam keadaan yang lebih baik dari sebelum ini. Semoga dengan bermuhasabah juga kita termasuk dalam golongan yang bijak seperti yang telah diperkatakan oleh Nabi SAW.



JALAN HIJRAHKU...

Oleh: Zuraiha Binti Mohd Zain



Berubah? Kenapa aku perlu menukar penampilan?
Ahhhhh...pedulikan! Aku sudah selesa begini...Penampilanku
tidaklah seteruk yang diperkatakan. Apa salahnya aku
memakai pakaian seksi?

Baju yang mengikut bentuk badan, jarang dan nipis? Itu semua arus fesyen masa kini. Aku tidak mahu dikatakan ketinggalan zaman. Aku bukanlah wanita yang jahat. Solatku cukup lima waktu, tanggungjawab kepada ibubapa aku tidak abaikan, hubungan sosial bersama teman-teman sepejabatku semuanya baik-baik belaka. Apalagi yang meresahkan mereka di luar sana? Aku merenung diri di hadapan cermin. Apa salahnya aku berhijab dan memakai pakaian *up to date*? Aku tetap menutup aurat. Aku memang suka bergaya, pakaian berjenama menjadi kegilaanku...tapi salahkah? Aku bukan merompak, semuanya hasil titik peluhku bekerja siang dan malam sebagai Pegawai Teknologi Maklumat di salah sebuah syarikat swasta, di negeri Pulau Mutiara. Biarlah aku begini. Aku tidak menyusahkan orang lain. Aku dengan duniaku sendiri. Pedulikan apa orang kata, bukan luak pun harta aku. Inilah kekuatan diriku, aku tidak mahu keluar rumah dengan tubuh dilitupi kain labuh, longgar dan tidak kemas. Seperti seorang nenek kurasakan bila melihat mereka yang berpakaian sebegitu....

Hari-hari berlalu, aku semakin berusia. Sunyinya hidup berseorangan. Aku irihati melihat teman-teman semuanya sudah berumahtangga. Alangkah bahagia jika aku memiliki pasangan hidup seperti mereka. Aku juga punya impian untuk mempunyai seorang suami. Aku masih mengharapkan dipertemukan jodoh seorang lelaki yang baik. Wahai hati, kenapa seringkali aku merasakan tidak tenteram sejak akhir-akhir ini? Setiap kali aku bertemu jejaka idaman semuanya hanya ingin mengambil kesempatan ke atas diriku. Walaupun aku tidaklah sampai berzina tetapi aku selalu terjerumus ke lembah maksiat. Terpesona dengan pujian lelaki pujaan, aku sanggup sahaja berdua-duaan sehingga larut malam, bebas berpelukan, berpegangan tangan serta kadang-kala aku leka dengan permintaan mereka mahu lihat aku tidak berhijab. Aku dengan mudah *upload* gambar-gambar tidak berhijab di laman sosial, *picture profile*ku juga tidak berhijab, malahan siap *berpossing* mengalahkan artis, dengan *make up* yang tebal, berpakaian mendedahkan aurat, langsung tidak melambangkan aku seorang wanita Islam. Tetapi setelah puas mereka mengambil kesempatan ke atas diriku, aku ditinggalkan. Aku kini dalam dilema, setelah bertemu seorang lelaki secara tidak sengaja di laman sosial. Dia banyak memberi kata-kata nasihat dan perangsang buat diriku untuk mencari jalan hijrah. Dia mahu aku berhijrah katanya. Hijrah menjadi seorang muslimah sebenar.

*Wahai hati, kenapa
seringkali aku
merasakan tidak
tenteram sejak
akhir-akhir ini?*



Semakin banyak
auratnya didedahkan,
semakin murahlah
maruah dirinya.Ya
Allah... Auratku
maruahku rupanya.

Apa aku masih belum cukup muslimahkah? Aku mulai berjinak-jinak mencari hakikat sebenar seorang muslimah. Aku membaca kisah-kisah di sebalik penghijrahan orang lain melalui laman *blog* dan majalah-majalah. Aku rujuk dengan ustaz dan ustazah. Aku mula mencari-cari ayat-ayat Al-Quran dan Hadis tentang aurat wanita Islam. *Dengan nama Allah Yang Maha pengasih Lagi Maha penyayang.* “*Wahai Nabi! Katakanlah kepada isteri-isterimu, anak-anak perempuanmu dan isteri-isteri orang mukmin: “Hendaklah mereka menutupkan jilbabnya (menutupi kepala, wajah dan dada) ke seluruh tubuh mereka.” Yang demikian itu agar mereka lebih mudah untuk dikenali, sehingga mereka tidak digangu. Dan Allah Maha Pengampun, Maha Penyayang.*” (Al-Ahzab: 59). Semua wanita itu amat bernilai, tidak dapat dibeli dengan wang ringgit. Harga seorang muslimah itu bergantung kepada diri masing-masing. Air mata membasahi pipiku. Ternyata aurat seorang wanita adalah maruahnya.

Semakin banyak auratnya didedahkan, semakin murahlah maruah dirinya. Ya Allah... Auratku maruahku rupanya. *“Perempuan-perempuan yang keji untuk lelaki-lelaki keji, dan lelaki-lelaki keji untuk perempuan-perempuan keji (pula) sedangkan perempuan-perempuan baik untuk lelaki-lelaki yang baik dan lelaki-lelaki yang baik untuk perempuan-perempuan yang baik (pula), mereka itu bersih dari apa yang dituduhkan orang, mereka memperoleh ampunan dan rezeki yang mulia (syurga)”* (An-Nur: 26).



Benarlah kata-kata Allah. Wanita yang baik hanya akan dipertemukan lelaki yang baik. Ketakutan mula menghantui diriku. Layakkah aku dijodohkan dengan lelaki beriman? **“...Perempuan-perempuan yang berpakaian tetapi telanjang, yang cenderung kepada perbuatan maksiat dan mencenderungkan orang lain kepada perbuatan maksiat, kepala - kepala mereka umpama bonggol-bonggol unta yang senget. Mereka ini tidak akan boleh masuk syurga, serta tidak dapat mencium bau syurga, padahal bau syurga itu terciptam sejauh perjalanan demikian dan demikian.** (Riwayat Muslim no. 5547)

Wanita yang tidak mahu menutup auratnya dengan sempurna tidak akan masuk ke syurga. Ternyata semua dalil ayat Al-Quran dan Hadis yang aku temui dengan terang-terangan membuktikan kehidupan yang kulalui selama ini amat bertentangan dengan ajaran Islam. Kumohon padamu Ya Allah...berilah kesempatan aku merasai hidayahmu ini dengan segera. Hijrah paling besar buat diriku iaitu hijrah meninggalkan larangan Allah.

Aku yakin ramai lagi muslimah di luar sana ingin berubah penampilan ke arah muslimah sejati. Namun, setiap perubahan perlukan pengorbanan dan kekuatan. Ramai yang mencipta alasan demi alasan untuk kembali ke dunia lama mereka. Tidak kurang juga yang berputus asa di pertengahan jalan pencarian hijrah. Jika hijrah benar-benar kerana Dia dan bukan kerana dia aku pasti semua kesukaran dan halangan menjadi mudah. Aku tidak mahu bertangguh lagi untuk melakukan kebaikan, masa berlalu begitu pantas...aku tidak tahu bilakah ajal akan menjemputku. Aku mahu menemui Allah dalam keadaan aku telahpun sempurna sebagai muslimah sebenar. Kini aku telah berubah penampilan seratus peratus, tanpa berpaling lagi aku mahu terus melangkah ke hadapan. Aku hadiri kelas agama, membaca buku serta menonton program televisyen berbentuk ilmiah, dikelilingi sahabat-sahabat muslimah yang sentiasa ada menyokong di belakangku. Hanya doa mampu aku lafazkan agar ditetapkan iman menuju jalan hijrah ini. Akhir kata inilah jalan hijrahku, bagaimana pula jalan hijrahmu...?

“Sungguh beruntung orang-orang beriman, iaitu orang yang khusyuk dalam solatnya, & orang yang menjauahkan diri dari perbuatan & perkataan yang tidak berguna, & orang yang menunaikan zakat, & orang yang memelihara kemaluannya kecuali terhadap isteri-isteri mereka atau hamba sahaya yang mereka miliki, maka sesungguhnya mereka tidak tercela” (Surah Al-Mukminun: 1-6)




RUJUKAN

1. Al-Quran Al -Karim tajwid dan terjemahan Humaira- Humaira Bookstore Enterprise- Kajang, Selangor (www.facebook.com/humairabookstore)
2. Syamil Al-Qur'an Miracle The Reference - Sygma Publishing , Bandung, Indonesia (www.sygmapublishing.com)
3. <https://pena2mutiara.wordpress.com/mycerpen/tips-menulis-daripada-norhayati-berahim/>
4. <http://mimbarkata.blogspot.com/2012/11/bimbingan-berkarya-penulisan-cerpen.html>
5. <https://www.facebook.com/notes/masalah-agama-jawapan/hukum-memakai-sanggul-tinggi-ala-bonggol-unta-walaupun-bertudungharus-atau-haram/241499725904837/>
6. <https://aink.web.id/cara-menulis-cerpen/>
7. <http://www.kapasitor.net/community/post/2635-petua-untuk-menulis-cerpen>

Sumber ilustrasi:
arkzamdarkdeng.blogspot.com/2011/04/apa-cermin-dgn-perempuan.html

POSITIF ITU DARI KITA

Ainul Farhaan Binti Harun



erti syukur

Sesekali pernah juga terfikir di ruang akal..kenapa kita acapkali memandang sesuatu itu secara negatif berbanding positif? Adakah mungkin otak ini terbiasa berfikir yang buruk, mungkinkah diri ini tidak pernah mahu berfikir yang baik-baik belaka? Kenapa mesti membanding diri dengan orang lain, kurang bersyukurkah kita?. Sedangkan kita tahu bahawa telah termaktub dalam Al-Quran yang bermaksud

*"Dan (ingatlah) ketika Tuhan kamu memberitahu
Demi sesungguhnya! Jika kamu bersyukur
nescaya Aku akan tambah nikmat-Ku
kepada kamu dan demi sesungguhnya,
jika kamu kufur ingkar sesungguhnya
azab-Ku amatlah pedih."*
(Surah Ibrahim: ayat 7)

Sudah terang dan jelas janji Allah kepada insan yang tahu erti berterima kasih dan syukur. Mengapa mesti memilih untuk kufur dengan nikmat Allah?

Sisi positif

Andai kita diberi tugas yang lebih berat dari sebelumnya..mengapa mulut pantas mengeluh... Orang yang itu salah, orang yang ini khilaf. Kenapa tidak terus berfikir, itu tanda Allah mahu lipat gandakan pahala kita yang sekilumit cuma? Kenapa otak tidak terus positif dalam mengkonklusikan keadaan?.

Bila suatu hari yang hening dan permulaan pagi yang baik dengan fikiran yang kosong lagi tenang, tanpa ada rasa bersalah, keluar menjamah, anda didenda kerana kesalahan yang sungguh tidak disedari.. malah tidak disengajai.. kenapa mesti sedih dan duka lara? Gunakan otak positif ianya sebagai asbab untuk kita lebih berhati-hati dan tidak memandang remeh semua benda.

Muhasabah diri

Tatkala mata melirik jadual yang diberikan, kenapa mulut meluncur bebelan.. kelas yang amat tinggi, pasti lenguh seluruh urat sendi.. dan terus berdenyut kencang semua nadi. Kenapa otak positif tidak terus bertindak berputar memikir yang bukankah ianya senaman yang bisa membakar lemak di seluruh pelusuk tubuh secara alami lagi free?

Ubah minda

Kenapa tika apa yang terlalu kita hajati dan ingin tidak tercapai..kita terus jadi lemah??Kita seringkali jadi layu dengan kata-kata orang..Bukankah kita hambaNya yang amat pasti bahawa setiap manusia pasti diuji?? Bukankah seseorang itu tidak akan diuji apa yang tidak dia sanggupi. Telah jelas firman Allah dalam Surah Al-Baqarah ayat 286 yang bermaksud:

*"Allah tidak membebani seseorang
melainkan sesuai dengan
kesanggupannya. Ia mendapat pahala
(dari kebaikan) yang diusahaannya dan
ia mendapat siksa (dari kejahanatan) yang
dikerjakannya..."*

Bukankah seringkali kita tuturi apa yang berlaku pasti ada hikmah dari llahi.. Kenapa kita suka menggunakan otak negatif..bukankah ia bisa membunuh segala perkara yang mesti kita singkap hikmahnya??

Selamat menjadi positif,jom sama-sama membina otak positif.

JOM KOREKSI DIRI

Mari kita sama-sama koreksi diri, kerana kita mampu membina positif dalam diri, mari kita sama-sama menggunakan masa sebaiknya...

Sibukkah kita?

Kata sangat sibuk..
Tapi masih berbaki masa
melayan FB
Kata amat kalut
Tapi masih sempat mencuri
peluang
meluah komen, menekan like?

Masa itu pantas

Kata amat sempitnya masa..
Tapi masih ada ruang
menjalar tangan
menjeling-jeling ke blog
shopping online.

Masa terus berlalu

Ooohhh benarlah kata pepatah Arab
*"Masa itu umpama pedang..
jika engkau tidak
memotongnya
maka dia akan
memotongmu.."*

Masa amat berharga

Tika ini barulah teringat
Ya..benarlah pepatah Cina
bahawa
*"Masa bagi anak panah
yang terlepas dari busurnya..
Jam ini baru mula terlintas di
ruang fikiran
Bait pepatah nene moyang
"Masa itu emas.."*

RUJUKAN

Dato' Dr Hussamuddin Hj Yaacub, Al- Quran Al-Karim: Terjemahan dan Tajwid Berwarna Al-Haramain, Karya Bestari Sdn. Bhd.

AMALAN OTAK SIHAT, MINDA CERDAS

Susunan oleh: Norhafizah Binti Mohd Ghazali

Amalkan Makan Pagi

Badan manusia memerlukan zat secukupnya untuk kekal cergas. Begitu juga dengan otak dan minda. Menurut Dr.

Farhan Hadi Mohd Taib, otak adalah organ yang paling banyak menggunakan tenaga iaitu sebanyak 25% daripada keperluan tenaga badan. Sel otak akan mati jika kekurangan bekalan nutrisi akibat tidak mengambil sarapan pagi. Ini terjadi apabila paras gula dalam darah rendah menyebabkan bekalan nutrisi tidak dapat sampai pada otak. Maka banyak sel-sel otak akan mati dan keseluruhan otak akan menjadi kurang aktif pada hari berkenaan. Oleh itu, pengambilan sarapan pagi amat penting dan wajib menjadi rutin pagi kita bagi memastikan otak kita kekal sihat dan minda sentiasa cerdas.

Sentiasa Berfikir

Sentiasa berfikir dan berimajinasi dapat mengasah otak dan meningkatkan kecerdasannya. Bagi sesiapa yang asyik bermalas-malas dan kurang berfikir akan menjadikan minda lemah. Individu yang rajin berfikir dapat melatih otak untuk bekerja sekaligus meningkatkan keupayaan otak. Oleh itu, kita digalakkan untuk sentiasa berfikir terutamanya tentang kejadian alam semesta anugerah Allah. Amalan ini dapat menyihatkan otak kerana dapat mengaktifkan sel-sel otak.

Firman Allah dalam Surah Ali-Imran ayat 190 & 191 yang bermaksud *"Sesungguhnya dalam penciptaan langit dan bumi, dan pergantian malam dan siang terdapat tanda-tanda (kebesaran Allah) bagi orang yang berakal, (iaitu) orang-orang yang mengingat Allah sambil berdiri, duduk, atau dalam keadaan berbaring, dan mereka memikirkan tentang penciptaan langit dan bumi (seraya berkata), "Ya Tuhan kami, tidaklah Engkau menciptakan semua ini sia-sia; Maha Suci Engkau, lindungilah kami dari azab neraka".*

Tidur Secukupnya

Biarpun sibuk dengan tugas dan amalan harian, tidur secukupnya amat penting untuk kesihatan otak dan minda. Namun, jangan pula tidur berlebihan kerana ia dapat menjadikan otak kurang cerdas. Tidur mencukupi bagi orang dewasa adalah sekitar 6 jam 30 minit sehari. Saidatina Aisyah RA merekodkan cara tidur Nabi SAW adalah tidur cepat dan bangun cepat iaitu tidur selepas Isyak (2 jam selepas makan) dan bangun bertahajud hingga masuk waktu Subuh. Tidur seketika sebelum Zohor atau *qailullah* sangat digalakkan bagi mengekalkan kecergasan badan dan kecerdasan minda. Salah satu tip yang dikongsikan oleh Dr Farhan Hadi ialah kita tidak digalakkan untuk tidur dengan menutup muka kerana karbon dioksida yang dibebaskan ketika bernafas akan terperangkap dan akan disedut semula apabila kita bernafas. Nabi SAW juga memberikan panduan tidur yang betul iaitu dengan mengiringkan badan ke kanan manakala tangan kanan menyokong kepala. Tidur dengan mengiringkan badan ke kiri tidak digalakkan kerana dibimbangi akan menekan perut dan mengganggu proses pencernaan serta menekan jantung sekaligus mengganggu fungsi jantung. Oleh itu, marilah kita sama-sama menjaga kualiti tidur kita agar kita sentiasa kekal sihat dan otak sentiasa cerdas.



Amalkan Membaca Al-Quran

Ayat-ayat Al-Quran adalah kalimah Allah yang dapat menjadi penawar dan penenang jiwa bagi pembacanya. Banyak manfaat yang dapat kita perolehi hasil daripada amalan membaca Al-Quran. Sentiasa *istiqamah* dalam menjadikan Al-Quran sebagai bacaan wajib bagi aktiviti harian akan dapat mengaktifkan otak malahan dapat mengelakkannya daripada rosak. Khasiat ayat-ayat Al-Quran sebagai pengubat dan penawar jiwa tidak dapat disangkal lagi malah sudah jelas terbukti keberkesanannya. Firman Allah dalam Surah Al-Isra' ayat 82 yang bermaksud *"Dan Kami turunkan dari Al-Quran sesuatu yang menjadi penawar dan rahmat bagi orang-orang yang beriman, sedangkan bagi orang yang zalm (Al-Quran itu) hanya akan menambah kerugian"*. Justeru, marilah kita sama-sama menjadikan amalan membaca Al-Quran sebagai rutin wajib harian kita agar otak kita kekal sihat dan minda sentiasa cerdas.

Hidu Udara Bersih

Udara yang bersih dapat meningkatkan kesegaran tubuh badan termasuklah juga menyihatkan otak. Udara tercemar seperti asap rokok, asap kenderaan, pembakaran untuk pertanian mestilah dielakkan agar tidak memudarangkan kesihatan. Sekurang-kurangnya kita perlu cuba meminimumkan kesan pencemaran dan menghindari angin pada waktu malam. Menghidu udara tercemar akan menyebabkan kerosakan paru-paru, membawa kepada penyakit baharu dan menjadikan penyakit sedia ada semakin teruk. Oleh itu, kita mestilah sentiasa mencari ruang dan peluang untuk menghidu udara segar dan bersih terutamanya udara di awal pagi agar badan sihat, otak kekal sihat dan minda sentiasa cerdas.

RUJUKAN

Farhan Hadi Mohd Taib. (2012, Mei). 10 Perkara Yang Merosakkan Otak. Gen-Q, 16-17.

Mohammad Ali Toha. (2009). 365 Tip Sihat Gaya Rasulullah. Selangor: PTS Millenia Sdn. Bhd.



Pelancaran Buletin Al-Irsyad



Edisi 01 2017: Disempurnakan oleh Dr. Zahari Bin Ismail



Koleksi Buletin Al-Irsyad



Hadirin yang menyaksikan pelancaran Buletin Al-Irsyad

Jamuan Aidilfitri 2017



JPA mendapat tempat kedua Pertandingan Booth Terbaik



Penyampaian hadiah disempurnakan oleh Timbalan Pengarah Akademik PTSS

Jamuan Aidilfitri JPA 2018



Dihadiri oleh Timbalan Pengarah Akademik, Pn. Roseliza Shaari



Tetamu jemputan yang sudi memeriahkan majlis



Juadah sempena Majlis Sambutan Aidilfitri JPA




Jamuan Aidilfitri PTSS 2018



Sambutan meriah di Dewan Harumanis, PTSS



Gambar kenangan sempena jamuan Aidilfitri PTSS 2018



MENEGAK

1. Meninggalkan suatu tempat untuk pergi ke tempat lain seperti Nabi lakukan untuk herdakwah.
3. Kambing kibas.
6. Penyembelihan binatang ternakan yang dilakukan selepas kelahiran bayi sebagai tanda syukur.
9. Gelaran untuk Raja Mesir pada zaman purbakala.
11. Anugerah dan kurniaan Allah yang patut disyukuri.
12. Berjaga pada waktu malam untuk beribadat seperti solat dan zikir.

MELINTANG

2. Nabi-nabi (Jamak bagi nabi dalam Bahasa Arab).
4. Seerti dengan hamba iaitu orang yang dimiliki oleh seseorang yang lain.
5. Tingkahlaku serta tutur kata yang halus.
7. Patuh pada ajaran agama Islam serta rajin beribadat.
8. Perbuatan menilai diri sendiri (secara berfikir) untuk pembaikan diri.
10. Sara hidup.

9. PIFLAUUN 10. NAPKAH 11. NIKMAT
12. HIRAH 2. ANGIA 3. DOWBA 4. ABDI

Rujukan: Kamus Dewan Edisi Keempat

BULETIN AL-IRSYAD

© Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin, 2018

Hak Cipta Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dengan apa cara sekalipun termasuk elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman atau sebaliknya tanpa mendapat izin dari penerbit.

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Pengkatalogan- dalam -Penerbitan

Diterbitkan oleh:

Unit Pendidikan Islam dan Moral
Jabatan Pengajian Am,
Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin
Pauh Putra,
02600 Arau, Perlis.

Penaung
Encik Abdul Malek bin Hassan

Penasihat
Puan Azlida Binti Ahmad

Penasihat II
Puan Zuraiha Binti Mohd Zain

Editor
Norhafizah Binti Mohd Ghazali

Editor Syariah
Rosmawati Binti Razak

Sub Editor / Pruf
Ainul Farhaan Binti Harun

Konsep dan *Layout* Buletin
Ainul Farhaan Binti Harun
Norhafizah Binti Mohd Ghazali

Penulis Jemputan
Dr. Zawiyah Binti Mohd Zain
Pn. Mardziah Binti Kamarudin

Penulis Artikel
Pisol Bin Hj. Nasir
Hasminuddin Bin Hashim
Norzira Binti Ahmad
Solhal Huda Binti Sahidan
Zuraiha Binti Mohd Zain
Norhafizah Binti Mohd Ghazali
Ainul Farhaan Binti Harun

